



MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras 2, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya
Tel: 03-8892 6600 Faks: 03-8892 6616
Laman web: www.wipers.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

KARNIVAL BAKAT SUKAN LABUAN 2019 RANCAKKAN PEMBANGUNAN SUKAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

LABUAN, 16 NOVEMBER 2019 – YB Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad, Menteri Wilayah Persekutuan hari ini menyempurnakan Majlis Perasmian Karnival Bakat Sukan Labuan (KBSL) 2019 di Arena Boling Padang Wilayah Persekutuan Labuan. Penganjuran karnival bakat ini selaras dengan Pelan Strategik Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) tahun 2019-2023 yang komited untuk merancang pembangunan sukan khususnya di Labuan.

Karnival bakat yang julung kalinya diadakan ini adalah usaha MSWP dalam memberi peluang dan pendedahan kejohanan kepada atlet di sini sekali gus menjadi medan baharu untuk anak muda Labuan mempamerkan kebolehan masing-masing. Selain itu, penganjuran karnival bakat ini juga dilihat mampu menjadi platform untuk mencungkil dan mengenal pasti atlet Labuan yang berpotensi mewakili Wilayah Persekutuan khususnya ke temasya Sukan Malaysia (SUKMA) Johor pada Julai kelak.

Pelaksanaan karnival bakat di Labuan ini merupakan salah satu program di bawah Bakat Sukan Wilayah Persekutuan (BSW) yang telah dilancarkan YB Menteri Wilayah pada Mac lalu. Usaha ini amat penting bagi memastikan Wilayah Persekutuan Labuan tidak ketandusan atlet baharu yang berpotensi untuk digilap sehingga ke peringkat yang lebih tinggi.

Karnival bakat yang berlangsung selama dua hari ini turut mendapat kerjasama daripada Perbadanan Labuan, Jabatan Belia dan Sukan Labuan, persatuan sukan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) setempat. Karnival bakat kali ini akan mempertandingkan enam sukan iaitu Boling Padang, Bola Tampar Pantai, Olahraga, Petanque, Badminton dan *E-Sport*.

Pada majlis ini juga, YB Menteri Wilayah turut mengumumkan peruntukan bantuan peralatan sukan sebanyak RM150,000 kepada 15 persatuan sukan di Wilayah Persekutuan Labuan untuk menggantikan serta menambah peralatan baharu bagi sukan masing-masing. Diharap melalui bantuan yang diterima, persatuan sukan akan bergerak lebih aktif dalam mencungkil bakat- bakat baharu sekali gus dapat membantu merancang pembangunan sukan di Labuan.

Disediakan Oleh:

Unit Komunikasi Korporat

Majlis Sukan Wilayah Persekutuan